



**RAFIDAH Aziz
sebak ketika
bertemu
Dr. Mahathir
Mohamad selepas
upacara sambutan
Hari Kemerdekaan
Ke-48 di Putrajaya,
semalam.**

Oleh HATA WAHARI

PUTRAJAYA 31 Ogos - Singkat, tetapi mencuri perhatian umum apabila Datuk Seri Rafidah Aziz menemui bekas ketuanya, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika sama-sama menghadiri sambutan Hari Kemerdekaan Ke-48 di Dataran Putrajaya di sini, hari ini.

Rafidah menangis, peluk Dr. Mahathir

Inilah pertemuan pertama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu dengan Dr. Mahathir yang juga penasihat Proton selepas isu permit import (AP) kereta yang menyaksikan mereka sering mengeluarkan kenyataan berhubung kontroversi itu.

Detik itu berlaku di hadapan pentas kenamaan dan disaksikan oleh bebera-

pa orang menteri Kabinet, ketika Rafidah ternampak Tun Dr. Mahathir dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali sedang berjalan menuju ke kereta untuk pulang selepas upacara itu.

Rafidah pada mulanya memeluk Siti Hasmah sambil bertanya khabar sebelum berjalan menghampiri Dr. Mahathir dan memeluk bekas Perdana

Rafidah menangis, peluk Dr. Mahathir

Menteri itu yang kelihatan agak tergamam.

Ketua Wanita UMNO itu kemudiannya dengan raut wajah yang sugul dan menahan sebak memperkatakan sesuatu kepada Dr. Mahathir yang kelihatan tersenyum dan sesekali mengangguk serta beberapa kali menepuk bahu menteri itu.

Pada saat itu, Rafidah sudah mula tidak dapat menahan rasa terharunya dan mereka berjalan beriringan ke kereta sambil Dr. Mahathir kelihatan seakan-akan cuba menenangkan emosi Rafidah.

Dr. Mahathir dan isteri kemudiannya menaiki kenderaan dan melemparkan senyuman sambil melambai-lambaikan kepada Rafi-

dah dan menteri-menteri.

Sejurus selepas itu, Rafidah berdiri di satu sudut sambil menyeka air matanya.

Insiden singkat kira-kira dua minit itu turut disaksikan orang ramai yang bertepuk tangan melihatkan pertemuan pemimpin dan bekas pemimpin.

Walaupun tiada siapa yang tahu apa yang diucapkan oleh Rafidah dan Dr. Mahathir pada pertemuan itu, tetapi pertemuan tidak dijangka itu begitu simbolik.

Pada Mei tahun ini, Dr. Mahathir mempersoalkan urusan pengeluaran AP yang dianggapnya memberi kesan buruk terhadap kereta nasional, Proton, dan meminta agar senarai pemegang AP didedahkan

kepada umum.

Dalam responsnya, Rafidah berkata, tindakan menyiarkan nama pemegang AP tidak pernah menjadi amalan kerajaan. Bagaimanapun, beliau menyebut nama anak lelaki Dr. Mahathir sebagai antara penerima permit itu.

Pelbagai pihak kemudian meminta Rafidah memohon maaf kepada Dr. Mahathir kerana menganggap tindakannya itu menyinggung perasaan dan tidak menghormati bekas Perdana Menteri tersebut.

Pada Perhimpunan Agung Umno Julai lepas, Rafidah turut dikecam oleh anggota perwakilan berhubung cara beliau mengendalikan isu AP.